

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 7/1985**

**PENYERAHAN DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH YANG
TERLETAK DI KAMPUNG BARU CINA, KAMPUNG INDIA DAN
KAMPUNG MELAYU YANG TELAH DIBERIMILIK
DI BAWAH PAJAKAN 30 TAHUN**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bermesyuarat pada 22/1/1985 dan 25/7/1985 telah membuat keputusan:-

- i) Bersetuju dengan konsep penyerahan balik dan pemberimilikan semula tanah-tanah yang terletak di kampung-kampung Baru Cina, Kampung-kampung India dan Kampung-kampung Melayu yang telah diberimilik di bawah pajakan selama 30 tahun. Pemberimilikan semula tanah-tanah itu adalah pajakan bagi tempoh 60 tahun dengan tidak mengambil kira tempoh pajakan di bawah hakmilik yang dahulu.
- ii) Kampung-kampung baru dan kampung-kampung yang disenaraikan di lampiran A berkembar. Konsep ini hendaklah juga meliputi dan terpakai kepada kampung-kampung Melayu yang diberimilik di bawah pajakan selama 30 tahun tetapi tidak disenaraikan
- iii) Mewakilkan kuasa di bawah seksyen 13 Kanun Tanah Negara kepada Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah untuk memberimilik semula tanah-tanah tersebut.
- iv) Kadar-kadar premium bagi pemberimilikan semula tanah-tanah yang tersebut di atas adalah sebagaimana yang ditetapkan di dalam kaedah-kaedah Tanah Selangor 1966, kecuali bagi tanah kegunaan perniagaan dalam kawasan bandar/pekan kadarnya ialah $1 \times 1/100 \times$ nilai tanah $\times 60$ tahun. Perkiraan premium itu adalah mengikut kadar-kadar berikut:
 - i) **Untuk Tanah Desa**
 - a) Bagi kegunaan bangunan kediaman $\frac{1}{2} \times 1/100 \times$ nilai tanah $\times 60$ tahun
 - b) Bagi Kegunaan bangunan perniagaan $3 / 4 \times 1/100 \times$ nilai tanah $\times 60$ tahun

ii) **Untuk Tanah Pekan dan Bandar**

- a) Bagi Kegunaan bangunan kediaman
$$3 / 4 \times 1/100 \times \text{nilai tanah} \times 60 \text{ tahun}$$
- b) Bagi kegunaan bangunan perniagaan
$$1 \times 1/100 \times \text{nilai tanah} \times 60 \text{ tahun}$$

2. Dalam membuat keputusan yang tersebut diatas, Majlis Mesyuarat Kerajaan hanya menetapkan senarai kampung-kampung berkenaan dan kadar premium yang sepatutnya dikenakan apabila meluluskan pemberimilikan semula tanah. Oleh itu, bagi lain-lain bayaran dan syarat-syarat kelulusan, bayaran-bayaran dan syarat-syarat biasa hendaklah dikenakan di antaranya ialah:-

- i) **Jenis Kegunaan Tanah** **Bangunan**
- ii) Syarat Nyata
 - a) **Untuk Rumah Kediaman**
“Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata untuk rumah kediaman sahaja.
 - b) **Untuk kedai**
“Tanah ini hendaklah digunakan semata-mata untuk bangunan kedai sahaja.
- iii) Cukai Tahunan Mengikut arahan Kanun Tanah Negara (perubahan cukai) 1933 tertakluk kepada kadar minima seperti yang ditetapkan di bawah Kaedah Tanah Selangor
- iv) Bayaran Ukur dan lain-lain Kadar-kadar yang ditetapkan.
bayaran

3. Untuk melaksanakan konsep yang telah dipersetujui itu, cara permohonan di buat dua konsep mempertimbangkan ialah tuanpunya tanah membuat permohonan bertulis bagi mempertimbangkan serentak untuk permohonan serah balik dan berimilik semula tanah kepadanya. Apabila permohonan itu diluluskan, maka barulah tuanpunya tanah itu mengemukakan Borang 12 A Kanun Tanah Negara (iaitu Borang Penyerahan Balik Tanah) dan borang Jadual I dalam Kaedah-kaedah Tanah Selangor 1966 (iaitu Borang Permohonan Tanah).

4. Walau bagaimanapun dalam melaksanakan konsep ini, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah sentiasa mengambil ingatan supaya tindakan-tindakan yang dilakukan tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara. Sehubungan dengan ini, perlulah diambil perhatian mengenai:-

- i) Syarat-syarat untuk meluluskan penyerahan balik tanah di bawah Seksyen 196 Kanun Tanah Negara dan;
- ii) Natijah (effect) penyerahan balik tanah di bawah Seksyen 199 Kanun Tanah Negara, iaitu satu daripada natijahnya ialah bahawa tanah itu adalah dikembalikan (revert to) dan terletak hak (vest in) kepada Pihak Berkuasa Negeri sebagai tanah Kerajaan dan dengan itu ianya adalah dibebaskan (freed) dan dilepaskan (discharged) daripada segala hakmilik dan kepentingan yang wujud sebelum penyerahan itu berkuatkuasa. Dengan hal yang demikian apabila tanah ini diberimilik semula, sesuatu kemasukkan (entered) dan peringatan (memorials) yang wujud di dalam hakmilik yang lama tidak boleh dimasukkan atau disambung ke dalam hakmilik baru yang akan didaftarkan.

5. Berhubung dengan perwakilan kuasa di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara kepada Pentandir-pentadbir Tanah Daerah untuk melaksanakan perutusan Majlis Mesyuarat Kerajaan tersebut di atas, pejabat ini sedang mengambil tindakan untuk mewartakan perwakilan kuasa ini istilah "Pentadbir Tanah Daerah" tidak termasuk Penolong Pentadbir Tanah Daerah. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah Daerah bolehlah melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang dinyatakan itu mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini.

6. Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat kerajaan Negeri Selangor yang dinyatakan di atas Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk melaksanakannya mulai dari sekarang.

T.T
(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

PTG.SEL (S) 0.443/SJ 3(21)

BERTARIKH PADA 14HB SEPTEMBER 1985

*** PEKELILING TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 4/1997**

LAMPIRAN "A" KEPADA PTG.SEL (SULIT)
0.443/SJ.3(21)

**SENARAI KAMPUNG-KAMPING BARU CINA, KAMPUNG-KAMPUNG INDIA
DAN KAMPUNG-KAMPUNG MELAYU YANG DIPERSETUJUI OLEH MAJLIS
MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR UNTUK DI LAKSANAKAN
KONSEP PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA TANAH-
TANAH YANG TELAH DIBERIMILIK DI BAWAH PAJAKAN 30 TAHUN**

| <u>DAERAH</u> | <u>NAMA KAMPUNG</u> | <u>MUKIM</u> |
|---------------|---|---|
| KUALA LANGAT | 1.1 KG. SG JARUM (CINA) 1.2 KG.TG SEPAT (CINA) 1.3 KG. ENDENG (MELAYU) | TELOK PANGLIMA GARANG/ TG DUA BELAS BATU |
| ULU SELANGOR | 2.1 KG. BARU A, ULU BERNAM (MELAYU) 2.2 KG. BARU B, ULU BERNAM (MELAYU) 2.3 KG. PASIR PUTIH, KALUMPANG (MELAYU) 2.4 KG. PASIR PUTIH KALUMPANG (CINA) 2.5 KG. AIR PANAS KERLING (CINA) 2.6 KG. PASIR KERLING (MELAYU) 2.7 KG. ASAM KUMBANG, KUALA KUBU BARU (CINA) 2.8 KG. BUKIT RASA (MELAYU) 2.9 KG. SENTOSA, BATANG KALI (MELAYU) 2.10 KG. BUKIT CANDENG, BATANG KALI (CINA) 2.11 KG.GURNEY, ULU YAM (MELAYU) 2.12 KG. BATU 30, ULU YAM (MELAYU) 2.13 KG. BHARU SERENDAH (CINA) 2.14 KG. BHARU CHUANG | ULU BERNAM ULU BERNAM KALUMPANG KALUMPANG KERLING KERLING AMPANG PECAH RASA BATANG KALI BATANG KALI ULU YAM ULU YAM SERENDAH BANDAR RASA/ BATANG KALI |

| DAERAH | NAMA KAMPUNG | MUKIM |
|----------------|--|--|
| PETALING | 3.1 KG BARU PUCHONG 3.2 SERI KEMBANGAN 3.3 SERI SETIA(SG.WAY) 3.4 KG BARU SUBANG 3.5 KG BARU SG. BULUH 3.6 KG.BARU DAMANSARA | PETALING PETALING DAMANSARA SG BULUH SG. BULUH SG. BULUH |
| KUALA SELANGOR | 4.1 KG BARU ULU TIRAM BURUK (CINA) 4.2 KG.BARU IJOK (CINA) 4.3 KG.BARU BATANG BERJUNTAI (CINA) | UJONG PERMATANG IJOK BATANG BERJUNTAI |
| SABAK BERNAM | 5.1 SITE A SEKINCAN 5.2 SITE B SEKINCAN 5.3 SITE C SEKINCAN | PASIR PANJANG PASIR PANJANG PASIR PANJANG |
| SEPANG | 6.1 KG.BARU DENGKIL 6.2 KG. BARU SALAK 6.3 KG BARU SEPANG 6.4 KG BARU SG PELEK | DENGKIL LABU SEPANG SEPANG |
| KLANG | 7.1 KG BARU PANDAMARAN | KLANG |
| ULU LANGAT | 8.1 KG. SG RAYA CHERAS (MELAYU) 8.2 KG BARU AMPANG (CINA) 8.3 KG BARU BALAKONG CHERAS(CINA) 8.4 KG BARU BATU 9 CHERAS (CINA) 8.5 KG BARU BATU 11 CHERAS (CINA) 8.6 KG BARU SUNGAI CHAU KAJANG (CINA) 8.7 KG BARU SEMENYIH (CINA) 8.8 KG BARU BROGA (CINA) 8.9 KG BARU BATU 14 (CINA) 8.10 KG BARU BANGI (CINA) 8.11 KG BARU BT 18 (CINA) | CHERAS AMPANG CHERAS CHERAS KAJANG SEmenyih BERANANG ULU LANGAT RAWANG |

| DAERAH | NAMA KAMPUNG | | | MUKIM |
|--------|--------------|--|--|-------------|
| GOMBAK | 9.1 | KG BARU SG TERENTANG | | RAWANG |
| | 9.2 | KG BARU KUANG | | RAWANG |
| | 9.3 | KG BARU KUNDANG | | RAWANG |
| | 9.4 | KG BARU HULU KELANG (KUALA AMPANG) | | HULU KELANG |
| | 9.5 | KG BARU KEPONG HULU (CINA) | | |

Kampung-Kampung Melayu yang tanahnya diberimilik di bawah pajakan selama 30 tahun tetapi tidak disenaraikan di atas.